



**PEMERHATIAN TERHADAP TERJEMAHAN TEKS SEJARAH ISLAM KE
DALAM BAHASA MELAYU
[AN OBSERVATION ON THE TRANSLATED ISLAMIC HISTORICAL TEXTS
INTO MALAY]**

¹Wan Abdul Hayyi Wan Omar & ^{*2}Idris Mansor

¹Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

²Bahagian Pengajian Penterjemahan dan Interpretasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang.

*Corresponding author: idrismansor@usm.my

Received: 31 Jul 2019,

Accepted: 1 Dec 2019

ABSTRAK

Teks sejarah Islam merupakan nadi penting yang menyimpan khazanah arkeologi sejarah ketamadunan Islam yang terbina. Catatan yang terkandung dalam teks ini menjadi sumber yang penting untuk dihayati oleh seluruh umat Islam kerana pemahaman sejarah yang baik mampu membina kepercayaan keagamaan yang kukuh. Hal ini demikian kerana segala catatan ajaran, asbab dan perkembangan Islam yang berlaku termasuk perihal berkaitan asbab al-nuzul dan asbab al-wurud sesuatu ajaran dicitrakan dalam genre teks ini. Namun begitu, tidak semua penganut Islam mampu memahaminya disebabkan ketidakmampuan mereka dalam menguasai bahasa Arab. Lantaran itu, mereka perlu bergantung kepada teks sejarah terjemahan sebagai wadah sandaran. Sungguhpun begitu, kewujudannya amat sukar ditemui walaupun aktiviti penterjemahan teks agama Islam seperti fikah, usul fiqah, tasawuf, aqidah, tafsir, al-Quran dan hadis ke dalam bahasa Melayu di Nusantara telah berlaku sejak kurun

ke-15 Masihi. Untuk itu, kajian ini dijalankan dengan memberi fokus terhadap senario perkembangan aktiviti terjemahan teks sejarah Islam sedia ada serta meneliti corak terjemahan yang digunakan. Kajian ini dijalankan dengan mengimpikasi pendekatan kajian kepustakaan dan penilaian ke atas dua teks terjemahan, iaitu Sirah Nabawiyah hasil terjemahan Muhammad Ramzi Omar (2017) dan Sirah Rasulullah s.a.w Keagungan Seorang Nabi Bongsu hasil terjemahan Senawi Ali (2014) dan dibandingkan dengan teks sumber yang berjudul *al-Raheeq al-Makhtum* oleh Al-Mubarakpuri (1987). Dapatan kajian menunjukkan keterbatasan dalam aktiviti penterjemahan teks genre sejarah Islam berbanding dengan teks Islam daripada genre yang lain. Kebanyakan teks terjemahan sejarah Islam lebih berbentuk saduran dan pendekatan terjemahan yang digunakan lebih cenderung kepada pendekatan semantik. Situasi ini menyebabkan hasil terjemahan lebih cenderung ke arah bahasa dan budaya teks sumber berbanding kecenderungan kepada bahasa dan budaya sasaran.

Kata kunci: Corak terjemahan, teks agama, teks sejarah Islam, terjemahan Arab-Melayu

ABSTRACT

*Texts on the history of Islam are priceless treasures as they contain archaeological information on the history of Islamic civilisation. The records in the texts serve as integral resources for Muslims all over the world because good understanding of the history could help develop strong foundation of religious belief. This is because all records on the teachings, explanations, and development of Islam including the occasions or circumstances of revelation (asbab al-nuzul) and circumstances of utterance (asbab al-wurud) are kept in this genre. However, not all Muslims can understand the texts as they do not understand Arabic. Therefore, they need to rely on the translations of historical texts as their source of information. Still, translations of historical texts are hard to find although translations of Islamic texts such as fiqh, usul al-fiqh, tasawuf, aqidah, tafsir, al-Quran and hadith into Malay began as early as the 15th AD in the Malay Archipelago. As such, this study is focused on the existing activities of translating texts on Islamic history. The study also investigates the patterns in the translations carried out. The study involved library research and a close observation on two translated texts which are Sirah Nabawiyah translated by Omar (2017) and Sirah Rasulullah s.a.w Keagungan Seorang Nabi Bongsu translated by Senawi Ali (2014) and compared with the source text entitled *al-Raheeq al-Makhtum* by Al-Mubarakpuri (1987). Findings from the study show that there are limitations in the activities of translating Islamic historical texts compared to other genres of Islamic texts. Most of the translated texts on the history of Islam are in the form of adaptations*

and the translations are more inclined towards the semantic approach. This situation, therefore, produced translation products which tended more towards the source language and culture rather than the target language and culture.

Keywords: Arabic-Malay translation, Islamic historical, religious text, text, translation patterns

Cite as: Wan Omar, W. A. H., & Mansor, I. (2019). Pemerhatian terhadap terjemahan teks sejarah Islam ke dalam Bahasa Melayu [An observation on the translated Islamic historical texts into Malay]. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 265-281.
<http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp265-281>

1.0 PENGENALAN

Kecenderungan manusia untuk berpegang dengan sesuatu rutin spiritual yang diyakini adalah satu fitrah. Pembinaan keyakinan spiritual kepada tuhan mampu menjadikan seseorang individu itu seorang insan yang baik dan berprinsip. Situasi tersebut mampu diperkukuhkan menerusi pembelajaran, pemahaman dan pengamatan agama secara telus dan berfokus. Lantaran itu, keperluan untuk menguasai seluruh ilmu-ilmu keagamaan termasuk aspek akidah, akhlak, syariat, sejarah dan peraturan agama amat penting bagi membina jati diri seorang Muslim yang baik. Oleh yang demikian, setiap Muslim perlu menguasai segala perihal berkaitan agama Islam termasuk menguasai bahasa Arab yang menjadi bahasa teras yang menjadi bahasa penghubung kepada agama Islam. Ketidakupayaan kebanyakan penganut dalam menguasai bahasa Arab secara tidak langsung telah memaksa para penterjemah dan pendakwah untuk memainkan peranan mereka secara maksimal. Bagi memastikan keutuhan kefahaman penganut agama Islam tidak terpesong dan dicemari, semua Muslim perlu memahami setiap peristiwa dan sejarah yang terjadi di sebalik penentuan hukum hakam agama kerana pengetahuan tersebut mampu memberikan keyakinan yang kukuh kepada agama suci ini.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Islam dianuti oleh kebanyakan penduduk di Nusantara yang didiami oleh pelbagai bangsa yang berbeza latar sosial sejak tahun 1280 Masihi (Al-Edrus & Mohd. Khalid, 2008). Perkembangan agama Islam ke seantero alam termasuk di Nusantara turut mengembangkan penggunaan

bahasa Arab dalam kehidupan masyarakat secara tidak langsung. Namun keadaan ini tidak menjadikan penganut agama Islam yang bertutur dalam bahasa Melayu mampu menguasai bahasa Arab secara automatik.

Kebanyakan penganut Islam di Nusantara hanya mempelajari perihal agama menerusi pengajaran para pendakwah yang dilaksanakan dalam bahasa ibunda mereka sedangkan wacana pedoman dan ajaran agama yang muktabar dinukilkan dalam bahasa Arab. Keadaan ini bertambah rumit untuk difahami apabila teks-teks asas agama seperti al-Quran dan hadis kebiasaannya dinukilkan dalam satu struktur, gaya dan laras bahasa yang unik serta tersendiri (Keane, 1997; Abdullah, Mohamad, Abdullah, & M. Ramli, 2009). Keadaan ini secara tidak langsung turut membelenggu para penganut agama Islam daripada mempelajari perihal agamanya secara sendiri. Justeru itu, khidmat dan ihsan para penterjemah yang mursyid sangat diperlukan untuk memahamkan mereka tentang agama yang dianuti secara sempurna (Lose, 2006) dalam bahasa yang mampu difahami secara sendiri amat didambakan.

Kekangan dalam menguasai bahasa Arab yang penuh kesenian dan keindahan bahasanya dilihat menjadi antara halangan yang membantutkan usaha masyarakat awam Islam di Nusantara untuk menguasai ilmu-ilmu Islam. Oleh yang demikian, bangsa Melayu yang sangat sinonim dengan gelaran bangsa Nusantara yang bersopan santun, beradab dan menjaga keharmonian alam (Abd. Rahim, 2005) pastinya tidak mengambil mudah dengan membuat interpretasi sendiri terhadap ajaran yang diwartakan dalam teks-teks agama. Mereka tanpa segan menjemput para guru dan ilmuwan untuk memberikan pengajaran dan terjemahan setiap ungkapan ke dalam bahasa ibunda mereka. Keadaan ini membuktikan bahawa keperluan kepada wacana terjemahan sama ada secara lisan mahupun bertulis adalah satu keperluan mendesak dan perlu dikembangkan. Hal yang demikian mampu merungkau permasalahan dan perihal berkaitan ilmu-ilmu Islam termasuk pemahaman mereka terhadap kisah-kisah agung yang terjadi dalam sejarah Islam seperti sejarah hidup Nabi Muhammad dan para sahabat baginda.

Arkeologi penterjemahan di alam Melayu mendapati bahawa aktiviti penterjemahan bukan lagi perkara baharu bahkan telah dicatatkan bermula pada kurun ke-13 seiring dengan perkembangan Islam sebagai anutan bangsa Melayu di Nusantara. Menurut Abdullah et al. (2009), penterjemahan awal perihal wacana keagamaan pada kurun tersebut dilaksanakan secara lisan menerusi pengajaran agama di surau-surau dan masjid berasaskan pengajaran ilmu-ilmu berkaitan al-Quran dan hadis.

Winstedt (1969) pula berpendapat bahawa peristiwa yang berlaku antara Maulana Abu Bakar dan Sultan Mansur Syah (1459-1477) pada kurun ke-15 merupakan detik pemula kepada

aktiviti penterjemahan di Nusantara. Peristiwa tersebut dilihat oleh beliau sebagai detik awal penterjemahan teks yang terjadi di alam Melayu. Pandangan Winstedt (1969) mungkin merujuk kepada permulaan wacana terjemahan secara bertulis. Dalam peristiwa tersebut, Sultan Mansur Syah yang menjadi pemerintah Melaka telah menerima kunjungan Maulana Abu Bakar. Sebagai tanda kasih kepada baginda, Maulana Abu Bakar telah menghadiahkan sebuah kitab berjudul *Durr Al Manzum* yang ditulis sendiri oleh gurunya yang bernama Abu Ishaq kepada Sultan Mansur Syah. Disebabkan baginda tidak dapat memahami bahasa Arab, Sultan Mansur Syah telah meminta bantuan Kesultanan Samudera Pasai untuk menterjemahkan teks tersebut ke dalam bahasa Melayu (Mohd. Noor, 2011).

Pernyataan Winstedt (1969) turut disokong oleh Abu Bakar (1989) dalam catatan beliau. Oleh yang demikian, tidak menjadi satu kejanggalan apabila Ibrahim (2009) juga menyatakan bahawa kewujudan aktiviti penterjemahan teks Arab-Melayu telah mula berkembang seiring dengan perkembangan Islam pada akhir abad ke-15 yang melibatkan pelbagai genre teks termasuk teks agama dan sejarah Islam. Abdullah (1991) pula dalam penilaian beliau mencadangkan aktiviti penterjemahan terawal yang terjadi di alam Melayu telah dilaksanakan secara penterjemahan saduran dan dicatatkan menggunakan perantaraan tulisan jawi.

Seiring dengan perkembangan Islam di Nusantara dan alam Melayu, pemerkasaan aktiviti penterjemahan teks-teks agama Islam ke dalam bahasa Melayu turut dikembangkan. Namun, isu kesensitifan teks agama sering menjadi luahan para sarjana seperti Chebbo (2006), Khammyseh (2015), dan Mehawesh dan Sadeq (2014) pastinya merumitkan proses penterjemahan ilmu-ilmu agama. Penghasilan teks terjemahan agama dibayangkan perlu sama dan menyerupai teks sumber (TS) dalam aspek gaya bahasa dan susunannya. Hal ini demikian kerana teks agama perlu kelihatan terikat dan terkawal bagi menghindari pemesongan ajaran serta tidak boleh diterjemahkan secara bebas bagi mengekalkannya sebagai satu bentuk teks yang bersifat sensitif.

Teks agama terjemahan turut dibayangkan sebagai satu bentuk teks yang statik, sukar dan tidak boleh diubah. Namun, kajian ini berpendapat pernyataan tersebut hanya relevan jika disandarkan terhadap teks-teks asas agama seperti al-Quran dan hadis bagi mengelakkan situasi memanipulasikan yang melibatkan sensitiviti agama demi kepentingan fahaman tertentu. Persandaran nilai sensitif secara pukal kepada semua genre teks agama adalah tidak relevan. Hal yang demikian adalah kerana kondisi tersebut hanya serasi dan layak disandarkan kepada sifat-sifat yang wujud dalam teks asas agama (TAA) iaitu al-Quran dan hadis, dan bukan pada teks sekunder agama (TSA) seperti akhlak, fikah, tasawuf, sejarah Islam, falak, tafsir dan tajwid.

Tinjauan arkeologi yang dilakukan terhadap teks-teks agama mendapati terdapat perbezaan tipis yang tidak ketara antara teks-teks agama berdasarkan genre teks. Hasil tinjauan mendapati teks-teks agama Islam, Buddha (Siu, 2008) dan Kristian (Lose, 2006; Abdullah & Raja Baharudin, 2000) secara umum boleh dipisahkan kepada dua kumpulan teks iaitu teks asas agama (TAA) dan teks sekunder agama (TSA). TAA yang merupakan satu kumpulan teks primer yang dirujuk sebagai teks suci atau teks kudus yang dalam sesuatu agama. TSA pula diklasifikasikan sebagai kumpulan teks sokongan yang menjawab setiap isu kontemporari yang timbul atau mengupas sesuatu persoalan yang tidak dijelaskan dalam teks primer. Pemisahan antara kedua-dua kategori teks ini dilihat relevan bagi mengelakkan pertindihan sifat sensitif yang menyukarkan aktiviti penterjemahan teks keagamaan dilakukan dengan sewajarnya. Pemisahan ini juga secara tidak langsung dapat menjelaskan fungsi dan peranan TSA yang berbeza daripada TAA.

3.0 METODOLOGI

Bagi meneliti senario persejarahan yang terjadi dalam dunia penterjemahan di Nusantara khususnya alam Melayu, satu pemerhatian Arkeologi Terjemahan dilaksanakan terhadap rekod-rekod dan catatan-catatan berkaitan sejarah dan aktiviti terjemahan yang disimpan. Arkeologi Terjemahan menurut Pym (1998) adalah semua catatan atau rekod yang disimpan dalam lipatan sejarah termasuk perkembangan aktiviti penterjemahan yang direkodkan sama ada melibatkan sesuatu kawasan, masa, tokoh atau generasi. Rekod-rekod tersebut dinilai dalam pelbagai bentuk termasuk hasil penemuan artifak, catatan-catatan lama berbentuk diari, buku, manuskrip, rekod-rekod rasmi dan persendirian mahupun catatan-catatan baru yang terdapat dalam makalah ilmiah seperti artikel, jurnal dan buku-buku sejarah yang berkaitan dengan bidang penterjemahan.

Bagi menilai situasi ini dengan lebih mendalam, kajian kepustakaan berasaskan pendekatan Arkeologi Penterjemahan digunakan. Penilaian dilaksanakan terhadap sejumlah buku-buku serta artikel-artikel berkaitan dunia penterjemahan khususnya aktiviti penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu di Nusantara. Oleh yang demikian, konsep pemerhatian Arkeologi Terjemahan yang dicadangkan oleh Pym (1998) dilihat sebagai satu kerangka praktikal yang mampu melihat aktiviti penterjemahan secara lebih luas dan mendalam menerusi penilaian terhadap rekod-rekod dokumentasi, catatan-catatan para sarjana, artikel-artikel ilmiah serta kajian-kajian sedia ada.

Kajian turut menggunakan pendekatan analisis wacana bagi melihat laras bahasa yang digunakan dalam teks terjemahan sejarah Islam yang dihasilkan. Dalam penilaian yang

dihasilkan, teks terjemahan berjudul *Sirah Nabawiyyah* hasil terjemahan Omar (2017) dan *Sirah Rasulullah s.a.w Keagungan Seorang Nabi Bongsu* hasil terjemahan Senawi Ali (2014) dianalisis dan dibandingkan dengan teks sumber yang berjudul *al-Raheeq al-Makhtum* hasil karangan dan kajian Al-Mubarakpuri (1987).

Kajian ini memberi fokus khusus kepada perkembangan aktiviti penterjemahan teks sejarah Islam berkaitan *Sejarah Hidup Rasulullah* atau *Sirah Nabi*. Dua teks terjemahan berkaitan yang dikategorikan sebagai teks laris dijual dalam pasaran buku negara dipilih. Kedua-dua teks terjemahan dihasilkan dalam bahasa Melayu adalah antara teks yang diguna pakai secara meluas dalam pengajaran di surau-surau dan masjid-masjid di seluruh negara.

Penelitian menerusi kajian kepustakaan dan analisis wacana yang dilaksanakan ini adalah bagi tujuan mengenalpasti isu dan pengukuhan dapatan yang diperolehi. Menerusi metodologi yang digunakan, pemerikhaan situasi sebenar berkaitan perkembangan, permasalahan dan corak produk terjemahan teks sejarah Islam sedia ada yang dihasilkan ke dalam bahasa Melayu dapat dikenal pasti kekuatan dan kelemahannya. Penelitian ini secara tidak langsung dapat mencerminkan kelangsungan aktiviti penterjemahan teks berkaitan sirah di Nusantara.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Penterjemahan teks sejarah Islam di alam Melayu

Pengkaryaan perihai berkaitan sejarah Islam telah diterapkan ke dalam kehidupan masyarakat Islam di alam Melayu seawal kemunculannya di Nusantara. Menurut Mohd. Noor (2011), kisah-kisah yang mengandungi sejarah Islam ditonjolkan pada masa tersebut bagi mengisi kecenderungan masyarakat Melayu yang sangat ghairah terhadap kisah-kisah kepahlawanan dan peperangan. Malah mereka sangat teruja dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam sejarah Islam khasnya kisah kepahlawanan Islam dan tokoh tauladan seperti kisah perjalanan hidup Nabi Muhammad dan para sahabat. Kisah-kisah tersebut dianggap satu neraca yang mampu menaikkan semangat dan jati diri Islam mereka.

Penterjemahan teks sejarah Islam pada masa lampau secara jelas sukar dilihat. Hal ini demikian kerana penterjemahan tersebut hanya dilakukan dalam bentuk penyaduran inti pati teks sumber secara halus ke dalam teks kesusasteraan Islam. Maka tidak hairanlah seandainya penulis menemui kesukaran dalam mendapatkan maklumat tentang perkembangan penterjemahan teks sejarah sama ada menerusi carian kepustakaan secara manual mahupun digital. Hal ini terjadi kerana corak penterjemahan secara saduran telah membolehkan unsur sejarah Islam diadun ke dalam genre kesusasteraan Islam.

Permulaan aktiviti penterjemahan teks sejarah Islam di alam Melayu sukar ditentukan dan memerlukan pengkajian khusus serta penyulingan datanya daripada genre kesusasteraan. Oleh yang demikian, permulaan aktiviti penterjemahan teks sejarah Islam terpaksa disandarkan kepada perkembangan aktiviti penyaduran unsur sejarah ke dalam teks kesusasteraan Islam yang berkembang bersama genre teks-teks Islam yang lain. Justeru itu tidak hairanlah seandainya penterjemahan berbentuk karya saduran ini mampu menjadi antara nadi yang membangkitkan rasa kecintaan terhadap Islam.

Penelitian terhadap aktiviti penterjemahan teks sejarah Islam daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu boleh dilihat dalam beberapa teks kesusasteraan silam antaranya adalah kisah-kisah lagenda Islam yang dinukilkan kembali dalam bentuk karya sastra adaptasi seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Zulkarnain, Hikayat Sultan Ibrahim Al-Adham dan Hikayat Raja Lahaddan (Nik Dahalan, 2014).

Penerapan nilai-nilai sejarah Islam ke dalam teks-teks kesusasteraan Melayu boleh dinilai menerusi Hikayat Amir Hamzah. Dalam hikayat tersebut, kisah kepahlawanan Saidina Hamzah yang juga bapa saudara kepada nabi Muhammad s.a.w. ditonjolkan sebagai seorang individu yang teguh mempertahankan agamanya sehingga ke titisan darahnya yang terakhir. Hikayat tersebut adalah antara karya awal yang diterjemahkan dan disadur sebagai bahan pengajaran kepada penganut agama Islam. Kisah kepahlawanan Amir Hamzah ini dikembangkan dan disebatikan ke dalam pemikiran masyarakat Islam Nusantara bagi membendung pengaruh kisah kepahlawanan Hindu seperti 'Hikayat Seri Rama' yang telah lama berakar dalam pemikiran masyarakat di alam Melayu sebelum kedatangan Islam ke Nusantara (Aveling & Yamada, 2011; Istanti, 2001; Ab Aziz & Jamian, 2016; Purwana, 2001). Teks terjemahan secara saduran ini dihasilkan dengan mengambil mesej dan inti pati daripada kisah sejarah keperkasaan dan keberanian Saidina Hamzah dan diadaptasi dalam teks kesusasteraan Melayu.

Hikayat Iskandar Zulkarnain pula merupakan sebuah hikayat yang disadur daripada kesusasteraan Arab-Parsi dan ditulis kembali dalam bentuk kesusasteraan Melayu. Hikayat ini juga mempunyai peranannya yang tersendiri sehingga menarik minat masyarakat Melayu untuk menghayati setiap kisahnya. Namun kisahnya bukanlah karya tulen bahasa Arab bahkan diterjemahkan daripada bahasa Parsi kepada bahasa Arab sebelum dipindahkan ke dalam bahasa Melayu. Hikayat Iskandar Zulkarnain yang diterjemahkan secara saduran ini menceritakan tentang kehebatan, kesungguhan dan kebijaksanaan tokoh Islam berbangsa Parsi ini dalam membina kekuatan Islam sehingga dilihat sebagai suri teladan yang baik kepada masyarakat Melayu Islam. Dalam hikayat tersebut, Raja Iskandar telah menjadi raja yang zalim selepas berjaya mengalahkan adiknya Raja Dara sebelum menyatukan Rom dan Parsi di bawah

kekuasaannya. Namun begitu, baginda akhirnya berjaya diislamkan oleh Nabi Khaider dan diberikan gelaran Zulkarnain. Baginda kemudiannya menjadi pemerintah yang adil dan pendakwah yang berjaya (Ab Aziz & Jamian, 2016). Hikayat ini dikategorikan dalam kumpulan teks terjemahan sastera sejarah bibliografi.

Penelitian Arkeologi terhadap tokoh yang menterjemah teks sejarah Islam agak sukar ditemui apatah lagi hendak menyenaraikan nama-nama besar yang terlibat dalam genre ini. Namun penulis mendapati Sheikh Abdullah Basmeih yang amat dikenali sebagai penterjemah teks al-Quran yang bertajuk *Tafsīr Pimpinan Al-Rahmān* dan hadis yang bertajuk *Mastika Hadis* merupakan antara insan yang banyak menterjemahkan teks sejarah Islam ke dalam bahasa Melayu. Menurut Ariffin, Abd Kadir, dan Mansor (2018), Abdullah Basmeih membezakan kaedah penterjemahan teks agama seperti al-Quran dan hadis daripada teks agama selain keduanya menerusi kaedah terjemahan yang digunakan. Dalam penterjemahan teks sejarah Islam, beliau menggunakan kaedah terjemahan secara ringkasan (*talkhisyah*). Dengan kaedah ini, terjemahan yang dihasilkan tidak cenderung kepada struktur bahasa teks sumber kerana penterjemah telah membina semula ayat demi ayat yang diterjemahkan mengikut struktur dan gaya bahasa teks sasaran. Terjemahan yang menggunakan pendekatan ini lebih cenderung kepada pemindahan makna yang terdapat dalam teks sumber dan diolah semula dalam teks sasaran.

Teks sejarah Islam yang diterjemahkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih dilihat lebih cenderung kepada sejarah berasaskan peristiwa dan bibliografi tokoh Islam seperti Riwayat Yang Bersejarah: Abu Dzar al-Ghafiri (1950), Sejarah Hidup Siti Aisyah (1950), Sejarah Hidup Baginda Ali (1950), Sejarah Hidup Abu Bakar al-Siddik (1951), Riwayat Hidup Nabi Muhammad s.a.w (1952), Sejarah Hidup Umar bin Al-Khattab (1952), Sejarah Hidup Uthman bin Affan (1953), Sejarah hidup Saidina Husein Di Padang Karbala (1953), Sejarah hidup Bilal Tukang Bang Rasulullah s.a.w. (1955), Sejarah hidup Khalid al-Walid (1957), Puteri-Puteri Nabi (1957), Isteri-Isteri Rasulullah (1958) dan Hikayat Salahuddin al-Ayyubi (Ariffin et al., 2018; Ravi Abdullah, 2011).

4.2 Corak-corak teks sejarah Islam terjemahan

Setiap penulisan pastinya mempunyai identiti dan tatacaranya yang tersendiri. Bagi menghindari penghasilan teks terjemahan yang terkeluar daripada norma kebiasaan, satu penelitian telah dibuat untuk memastikan adakah terdapat pelbagai corak penulisan teks sejarah Islam hingga masa kini. Hal demikian kerana pengkaryaan teks sejarah biasanya disusun dan dinukilkan dalam satu gaya bahasa yang indah, menarik dan selaras dengan tahap komunikasi

pembaca (Jurić & Zancovich, 2010). Keadaan ini perlu diambil berat dan diberikan penekanan yang khusus agar ungkapan yang digunakan mampu memberi gambaran yang jelas dan menarik kepada generasi baharu yang tidak mengalami detik dan situasi bersejarah tersebut (Farag, 2015).

Hasil daripada tinjauan yang dilakukan terhadap penulisan teks sejarah Islam, penulis mendapati terdapat pelbagai corak penulisan teks sejarah Islam. Keadaan ini pastinya memberi kesan terhadap kaedah terjemahan yang digunakan bagi menghasilkan produk terjemahan yang selari dengan tema yang diketengahkan dalam teks sumber. Namun begitu, keberadaan dalam satu corak teks yang sama tidak menggambarkan bahawa pendekatan terjemahan yang digunakan adalah sama sepenuhnya kerana setiap teks mempunyai identitinya yang tersendiri.

Menerusi kajian kepustakaan yang dijalankan, kajian ini mendapati terdapat empat corak penulisan teks sejarah yang digunakan hingga masa kini iaitu 1) penulisan teks sejarah mengikut penyusunan topik dalam teks genre hadis seperti teks sirah *al-Syama'il al-Muhammadiyah* hasil karangan Imam al-Tirmizi, 2) teks sejarah yang dinukilkan dalam bentuk hikayat yang diselangi dengan hadis-hadis nabi dan syarahnya seperti teks sirah *al-Sirah al-Nabawiyyah* hasil karangan Ibnu Ishaq dan *al-Sirah al-Nabawiyyah* karangan Imam al-Zahabi, 3) teks sejarah yang ditulis dalam bentuk catatan peristiwa atau diari, travelog atau sastera pengembaraan seperti *Rihlah Ibn Battutah* dan 4) pengisahan berbentuk penulisan sastera sejarah seperti *Ar-Raheeq al-Makhtum* karangan al-Mubarakpuri.

4.3 Penterjemahan teks sejarah Islam: Satu penilaian

Bagi melihat corak penterjemahan teks sejarah Islam, penilaian terhadap corak penterjemahan teks berbentuk penulisan sastera sejarah dijadikan sampel. Penilaian ini tidak mencerminkan keseluruhan corak yang wujud dalam genre teks sejarah Islam. Hal ini kerana setiap teks sejarah mempunyai identiti yang tersendiri walaupun berkongsi corak.

Penilaian ini dijalankan terhadap teks terjemahan teks *al-Raheeq al-Makhtum* berjudul 'Sirah Nabawiyyah' oleh Muhammad Ramzi Omar (Penterjemah 1) yang diterbitkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada tahun 2017 dan teks terjemahan yang dihasilkan oleh Mohd Darus Senawi Ali (Penterjemah 2) yang diterbitkan oleh Penerbitan Seribu Dinar pada tahun 2014 sahaja. Terdapat beberapa penterjemah lagi yang menterjemahkan teks *al-Raheeq al-Makhtum* ke dalam bahasa Melayu. Namun pemilihan kedua-dua teks ini dilakukan atas beberapa sebab antaranya kekerapan cetakan dan kekerapan penggunaan keduanya dalam kuliah agama di masjid-masjid seluruh Malaysia. Kekerapan

penggunaan mungkin dilihat sebagai faktor keperibadian penterjemah atau penerbit atau selainnya namun analisis lebih tertumpu kepada teks yang dihasilkan.

1) Penggunaan pendekatan semantik

Penelitian mendapati kedua-dua terjemahan ini dihasilkan menerusi pendekatan semantik. Penterjemahan semantik merupakan satu bentuk terjemahan yang mengekalkan struktur dan gaya bahasa teks sumber dalam produk terjemahan yang dihasilkan. Hal ini dapat dilihat menerusi hasil terjemahan dalam Contoh 1 berikut:

Contoh 1:

وبعد أن تمت المحادثة حول شروط البيعة، وأجمعوا على الشروع في عقدها قام رجلان من الرعيل الأول ممن أسلموا في مواسم سنتي 11، 12 من النبوة، (Al-Mubarakpuri, 2007, p. 177)

Setelah selesai perbincangan tentang syarat-syarat bai'ah, dan mereka pun sudah sekata untuk melaksanakan bai'ah tersebut; bangunlah dua orang lelaki dari kalangan yang terawal memeluk Islam pada musim haji tahun 11 dan 12 kenabian.

(Omar, 2017, p. 214)

Penilaian mendapati penterjemah menterjemahkan ayat ini dengan menggunakan pendekatan semantik iaitu melalui pengaplikasian kaedah terjemahan literal dengan mengekalkan susunan dan gaya bahasa teks sumber dalam teks sasaran. Perubahan yang dilakukan adalah pada kadar minimal sekadar keperluan sama ada menerusi penambahan atau pengguguran perkataan. Penterjemahan semantik merupakan satu bentuk terjemahan yang mengekalkan struktur dan gaya bahasa teks sumber dalam produk terjemahan yang dihasilkan. Hal tersebut boleh dilihat dalam ungkapan 'وبعد أن تمت المحادثة حول شروط البيعة' yang diterjemahkan kepada 'Setelah selesai perbincangan tentang syarat-syarat bai'ah,'. Penterjemah hanya membuat perubahan pada 'وبعد أن تمت' yang diterjemahkan menjadi 'Setelah selesai' tanpa memberi fungsi *waw al-ibtida*. Hal tersebut turut boleh dilihat dalam ayat 'وأجمعوا على الشروع في عقدها قام رجلان من الرعيل الأول ممن أسلموا في مواسم سنتي 11، 12 من النبوة', penterjemah telah menterjemahkan keseluruhan teks sumber ke dalam teks sasaran secara semantik menjadi 'dan mereka pun sudah sekata untuk melaksanakan bai'ah tersebut; bangunlah dua orang lelaki dari kalangan yang terawal memeluk Islam pada musim haji tahun 11 dan 12 kenabian'. Penterjemah memilih untuk menterjemahkan teks secara keseluruhannya termasuk huruf *waw* yang tidak berfungsi dalam bahasa Melayu.

Walaupun strategi terjemahan semantik dapat memastikan mesej teks sumber dipindahkan sepenuhnya ke dalam teks sasaran, namun kesetiaan yang keterlaluan dengan turut memindahkan segala elemen yang kurang berfungsi dalam bahasa sasaran boleh mengganggu kelancaran pembacaan dan pemahaman pembaca.

2) Kecenderungan kepada gaya bahasa teks sumber

Teks terjemahan yang dihasilkan juga didapati lebih cenderung kepada bahasa teks sumber. Keadaan tersebut dapat dilihat secara jelas dalam terjemahan yang dihasilkan secara kata demi kata seperti dalam Contoh 2 berikut. Kedua-dua terjemahan yang dihasilkan cenderung kepada gaya dan laras bahasa teks sumber.

Contoh 2:

حينما أردنا أن نتكلم عن أحوال العرب قبل الإسلام؛ رأينا أن صورة مصغرة من تاريخ الحكومة والإمارة والملل والأديان في العرب، حتى يسهل علينا فهم الأوضاع الطارئة عند ظهور الإسلام
(Al-Mubarakpuri, 2007, p. 23)

“Apabila kita hendak membicarakan tentang keadaan orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam, maka kami berpendapat adalah perlu dibentangkan secara ringkas sejarah kerajaan, *imarah*, ideologi dan agama-agama di kalangan orang-orang Arab. Dengan itu akan memudahkan kita memahami peristiwa-peristiwa besar ketika munculnya agama Islam” (Omar, 2017, p. 13).

“Apabila hendak memperkatakan mengenai hal ehwal bangsa Arab sebelum Islam, maka adalah lebih baik sekiranya dipamirkan terlebih dahulu satu lembaran kecil mengenai kerajaan, kepimpinan, ideologi dan agama bangsa Arab di semenanjung supaya senang kita memahami keadaan dan peristiwa yang berlaku sebelum kemunculan Islam di sana” (Senawi Ali, 2014, p. 12).

Penelitian dari aspek penggunaan tatabahasa mendapati corak penterjemahan yang dihasilkan adalah cenderung kepada gaya dan struktur bahasa teks sumber. Keadaan tersebut boleh diperhatikan dalam terjemahan “Apabila kita hendak membicarakan tentang keadaan orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam” oleh Penterjemah 1 dan “Apabila hendak memperkatakan mengenai hal ehwal bangsa Arab sebelum Islam’ oleh Penterjemah 2. Penggunaan perkataan ‘hendak’ yang digunakan dalam kedua-dua terjemahan memperlihatkan keterkesanan terjemahan yang dihasilkan dengan perujukan masa *al-muḍari*’ yang wujud dalam sistem bahasa teks sumber. Hal ini demikian kerana penggunaan sistem perujukan masa lazimnya kurang diberikan perhatian dalam sistem bahasa Melayu.

Bahkan terjemahan yang dihasilkan juga dilihat seperti membuat pengalihan struktur bahasa yang terdapat dalam teks sumber ke dalam teks sasaran menerusi penggantian perkataan. Keadaan ini dapat dilihat dalam hasil terjemahan Penterjemah 1 dan Penterjemah 2 terhadap frasa 'نتكلم عن احوال العرب قبل الاسلام'. Kedua-dua terjemahan yang dihasilkan adalah mencapai makna dan boleh difahami, cuma terjemahan Penterjemah 2 dilihat lebih terikat dengan perkataan teks sumber berbanding terjemahan Penterjemah 1. Penterjemah 2 menterjemahkan 'نتكلم عن احوال العرب قبل الاسلام' sebagai 'hendak memperkatakan mengenai hal ehwal bangsa Arab sebelum Islam' dengan menggugurkan kata ganti nama 'kami' atau 'kita'. Penterjemah 1 pula menterjemahkan ayat yang sama sebagai 'kita hendak membicarakan tentang keadaan orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam'. Perkataan 'احوال العرب' diterjemahkan oleh Penterjemah 2 dengan padanan yang lebih kearaban apabila menggunakan kata pinjaman sedia ada daripada bahasa Arab berbanding Penterjemah 1 yang menggunakan sinonim yang bukan daripada kata pinjaman.

Selain itu, padanan 'satu lembaran kecil' yang digunakan oleh Penterjemah 2 juga dilihat terlalu terikat dengan frasa yang digunakan dalam teks sumber.

3) Penambahan perkataan bagi tujuan penerangan

Dalam menterjemahkan 'احوال العرب' seperti dalam Contoh 2, Penterjemah 1 dan Penterjemah 2 dilihat telah memudahkan pemahaman pembaca teks sasaran apabila menzahirkan perkataan 'bangsa' dan 'orang-orang' yang diimplisit dalam teks sumber. Penambahan yang dilaksanakan ini memadai untuk menjelaskan maksud jenis 'Arab' yang dikehendaki oleh penulis teks sumber. Namun, ketika menterjemahkan 'قبل الاسلام', Penterjemah 1 telah menambah penerangan bagi memudahkan kefahaman pembaca dalam terjemah yang dihasilkan menjadi 'sebelum kedatangan Islam' sedangkan Penterjemah 2 telah memindahkannya secara terus menjadi 'sebelum Islam'. Keadaan ini mungkin menampakkan lagi bahawa terjemahan Penterjemah 2 lebih cenderung kepada teks sumber berbanding Penterjemah 1. Penambahan penerangan ini dilakukan demi menyampaikan makna yang terkandung dalam teks sumber, iaitu selari dengan pendekatan semantik.

4) Peminjaman kata daripada teks sumber

Penterjemahan turut menggunakan kaedah peminjaman kata daripada teks sumber berdasarkan keperluan. Hal yang demikian boleh dilihat dalam terjemahan Penterjemah 1 dalam Contoh 2 yang didapati mengekalkan perkataan Arab 'imarah' (إمارة) dalam teks sasaran. Perkataan 'imarah' boleh diterjemahkan dengan kosa kata 'pemerintahan', 'penguasaan', 'pemimpin'

atau ‘kepimpinan’, namun pengekelan kosa kata tersebut mungkin memberi satu makna tertentu yang tersendiri pada pandangan Penterjemah 1. Analisis mendapati pandangan berbeza dikemukakan oleh Penterjemah 2. Penterjemah 2 telah menterjemahkan perkataan إمارة [imārah] kepada ‘kepimpinan’ tanpa membuat peminjaman daripada teks sumber. Selain imarah, perkataan peminjaman lain yang dikenal pasti digunakan dalam kedua-dua teks terjemahan tersebut ialah seperti munjamin (daripada perkataan teks sumber المنجمين [al-munjamīn]), siqayah (السقاية [al-siqāyah]), rifadah (الرفادة [al-rifādah]), hijabah (الحجابه [al-hijābah]), sijjil (سجل [sijjīl]) dan aşabiyyah (العصبيّة [al-ʿaşabiyyah]).

Penggunaan kata pinjaman yang banyak ini menunjukkan kecenderungan penterjemah terhadap bahasa dan budaya teks sumber berbanding dengan kecenderungan mereka terhadap bahasa dan budaya sasaran.

5) Peminjaman ejaan Arab

Analisis juga mendapati terdapat kekerapan penterjemahan yang dilakukan dengan cara meminjam ejaan teks sumber. Keadaan ini boleh dilihat dalam Contoh 3 berikut:

Contoh 3:

وبعد أن تمت المحادثة حول شروط البيعة...

(Al-Mubarakpuri, 2007, p. 177)

Setelah selesai perbincangan tentang syarat-syarat bai’ah ...

(Omar, 2017, p. 214)

Dalam contoh ini, perkataan ‘bai’ah’ yang berasal daripada perkataan Arab ‘البيعة’ dikekalkan huruf ʿayn seperti sebutan Arab, walhal perkataan tersebut merupakan perkataan pinjaman sedia ada dalam bahasa Melayu, iaitu ‘baiah’ seperti yang tercatat dalam Kamus Dewan. Begitu juga dengan perkataan lain yang dipinjamkan selari dengan sebutan asal dalam bahasa Arab, iaitu ‘Ka’bah’, bukannya kaabah seperti yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Perkataan الوقوف [al-wuquf] pula dipinjamkan sebagai ‘wuquf’ dan bukannya ‘wukuf’. بيت المقدس [Bayt al-Maqdis] pula yang merupakan pinjaman sedia ada dalam bahasa Melayu iaitu Baitul Muqaddis telah diterjemahkan dengan menggunakan peminjaman semula sebagai Baitul Maqdis yang lebih hampir dengan sebutan dalam bahasa sumber.

5.0 KESIMPULAN

Penterjemahan teks sejarah Islam ke dalam bahasa Melayu perlu dilihat sebagai satu genre terjemahan teks yang perlu diberikan perhatian dalam industri penterjemahan teks agama di Malaysia secara khususnya. Hasil kajian menunjukkan aktiviti penterjemahan genre ini masih terkebelakang jika dibandingkan dengan genre teks Islam yang lain seperti al-Quran, hadis, tafsir, fekah, usul fekah, tasawuf dan akidah. Produk terjemahan teks sejarah yang dihasilkan dilihat mempunyai corak dan gaya bahasa yang tersendiri. Tinjauan Arkeologi yang dijalankan terhadap teks-teks terjemahan sejarah Islam sejak dahulu disadurkan ke dalam teks sastera Islam secara adaptasi. Namun, perkembangan seterusnya memperlihatkan teks genre ini mendapat sedikit perhatian daripada beberapa penterjemah bahkan berjaya diterjemahkan menerusi pendekatan semantik. Keadaan ini dilihat lebih baik berbanding ketika disadur secara halus ke dalam genre teks sastera Islam. Namun begitu, senario ini masih dilihat membimbangkan kerana matlamat penulisan teks sejarah adalah untuk memberi pengajaran yang berkesan kepada pembaca, namun corak pendekatan terjemahan semantik yang dilaksanakan mungkin tidak mampu difahami oleh kebanyakan pembaca masa kini khususnya mereka yang tidak melalui latar belakang sistem pendidikan pondok atau mempelajari bahasa Arab. Oleh yang demikian, penghasilan teks terjemahan yang lebih cenderung kepada keperluan pembaca teks sasaran seperti yang pernah diketengahkan oleh Abdullah Basmeih perlu diperkasakan agar produk yang dihasilkan dapat difahami dengan mudah, jelas dan menjadi.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang dijalankan di bawah pembiayaan Geran Bridging, Universiti Sains Malaysia (No. Geran: 304/PHUMANITI/6316197).

RUJUKAN

- Ab Aziz, N. A., & Jamian, M. N. (2016). Akhlak pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu analisis pendekatan adab. *Jurnal Melayu Bil*, 15(1), 50–66.
- Abd. Rahim, R. A. (2005). Citra Islam dalam pembentukan manusia Melayu moden di Malaysia: Suatu analisa. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15(1), 19–51.
- Abdullah, M., & Raja Baharudin, I. S. (2000). Penyelewengan kitab Taurat dan penjelasannya di dalam al-Qur'an. *Jurnal Usuludin*, 1(1), 19–44.
- Abdullah, M. M. (1991). Penghargaan terhadap terjemahan dan penterjemah di Malaysia: Satu impian semata. In Noor Ein Mohd Nor & Atiah Salleh (Eds.), *Pragmatik penterjemahan:*

- Prinsip, amalan dan penilaian menuju ke abad 21* (pp. 11-45). Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, N., Mohamad, N., Abdullah, M. R., & M. Ramli, Z. (2009). Terjemahan wacana agama Arab-Melayu: Wajar dan bersediakah kita menerima transformasi? Dalam Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (Eds.), *Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa ke-12: Kelestarian bidang penterjemahan* (pp. 238–250). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Abu Bakar, S. (1989). *Kitab “al-Durr al-Manzum” dan kitab “al-Luma” sebagai pancaran budaya ilmu di Melaka: Permasalahan dan pengaruh lanjutannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Edrus, S. M. D., & Mohd. Khalid, H. (2008). Tradisi penterjemahan: Wacana ketamadunan. *Jurnal Penterjemahan*, xi(1&2), 213–242.
- Al-Mubarakpuri, S. (1987). *Ar-Raheeq Al-Makhtum*. Riyadh: Darussalam lil Nahr wa al-Tauzi’.
- Al-Mubarakpuri, S. (2007). *Ar-Raheeq Al-Makhtum*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuu’un al-Islamiah.
- Ariffin, A., Abd Kadir, K., & Mansor, I. (2018). Archaeological analysis of Arabic-Malay translation works of Abdullah Basmeih. *Intellectual Discourse*, 26(2), 785–805.
- Aveling, H., & Yamada, T. S. (2011). Southeast Asian traditions. In M. Baker & G. Saldanha (Eds.), *Routledge encyclopedia of translation studies* (pp. 527–533). New York: Routledge.
- Chebbo, A. A. (2006). *Arabic to English translation of Islamic religious texts*. (Unpublished doctoral thesis). American University of Sharjah, Sharjah.
- Farag, H. (2015). The role of culture in translating the sermons of Prophet Muhammad (PBUH). *Humanities and Social Sciences Review*, 4(1), 89–101.
- Ibrahim, M. (2009). *Al-Tarjamah baina al-Arabiah wa al-Malayuwich: al- Nazoriyyat wal al-Mabadi’*. Malaysia: IIUM Press.
- Istanti, K. Z. (2001). Hikayat Amir Hamzah: Jejak dan pengaruhnya dalam kesusastaan nusantara. *Humaniora*, XIII(1), 22–29.
- Jurić, R. S., & Zancovich, S. (2010). Intercultural communication in the translation of history texts. *Metodički Obzori*, 5(9), 31–44.
- Keane, W. (1997). Religious language. *Annual Review of Anthropology*, 26(1), 47–71.
- Khammyseh, D. (2015). The problems in translating Islamic expressions in religious occasions. *Journal of Education and Practice*, 6(35), 103–109.

- Lose, D. J. (2006). The need and the art of biblical preaching. *Word & World*, 26(2), 207–213.
- Mehawesh, M. I., & Sadeq, A. (2014). Islamic religious expressions in the translation of Naguib Mahfouz novel “The Beginning and the End”. *Research on Humanities and Social Sciences*, 4(12), 7–18.
- Mohd. Noor, A. (2011). Perkembangan persejarah Islam di alam Melayu. *Al-Tamaddun*, 6(1), 29–50.
- Nik Dahalan, N. N. (2014). Sastera rakyat melayu: Sejarah dan genre-genre utama. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2(2), 46–63.
- Omar, M. R. (2017). *Sirah Nabawiyyah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Purwana, B. H. S. (2001). Pendekatan hermeneutik dalam penafsiran teks sastra Islam Melayu. *HUMANIORA*, XIII(1), 82–89.
- Pym, A. (1998). *Method in translation history* (2nd ed.). Manchester: St. Jerome Publishing Ltd.
- Ravi Abdullah, M. F. (2011). Syeikh Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih: Kajian terhadap mastika hadis. *Hadis*, 11(1.3), 76–88.
- Senawi Ali, M. D. (2014). *Sirah Rasulullah s.a.w. keagungan seorang nabi bongsu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Siu, S. (2008). Buddhist scripture translation in the new millennium. Retrieved from <http://www2.port.ac.uk/media/contacts-and-departments/slas/events/tr08-siu.pdf>
- Winstedt, R. O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.